

Panduan segera tentang penganiayaan berdasarkan imej



Penganiayaan berdasarkan imej berlaku apabila ada orang menyebarkan imej atau video intim orang lain tanpa izin, atau mengancam akan menyebarkan bahan sedemikian. Hal ini termasuk peras ugut seksual dan menyebarkan imej berpakaian tidak mengikut agama atau budaya, bagi mangsa yang biasanya berpakaian mengikut agama dan budaya di khalayak umum.

Penganiayaan berdasarkan imej boleh membuat kita berasa takut, resah, dikhianati, marah atau diaibkan. Perbuatan ini boleh menjejaskan rasa keselamatan diri kita, kepercayaan kita pada orang lain dan harga diri kita, serta menjejaskan kesihatan dan hubungan kita dengan orang lain.

Penganiayaan berdasarkan imej boleh terjadi pada sesiapa sahaja. Itu bukan kesalahan kita, dan bukan kita sahaja yang mengalaminya.

eSafety boleh membantu menyingkirkan imej atau video berkenaan atau menghentikan ancumannya jika anda tinggal di Australia. Kami juga dapat membantu jika orang yang menyebarkan kandungan itu (atau mengancam untuk menyebarkannya) tinggal di Australia atau di luar negara.

Tentang eSafety Commissioner (Pesuruhjaya eKeselamatan)

eSafety Commissioner (eSafety) adalah badan kawal selia bebas Australia tentang keselamatan dalam talian.

Kami menyediakan pendidikan tentang cara menikmati pengalaman dalam talian yang lebih selamat dan lebih positif. Kami juga melindungi warga Australia daripada kemudaratan dalam talian melalui pelbagai skim pelaporan, penyiasatan dan pemberitahuan kami. Hal ini termasuk membantu mereka yang mengalami penganiayaan berdasarkan imej.

Apakah imej atau video 'intim'?

Imej atau video intim menunjukkan, atau kelihatan menunjukkan diri anda:

- dalam keadaan telanjang atau separuh telanjang, misalnya foto telanjang atau dengan dada terdedah (ada kalanya disebut 'nudes'), jika anda mengenali diri sebagai seorang perempuan atau bukan binari
- di bahagian kemaluan, punggung atau buah dada, walaupun memakai seluar dalam (termasuk foto dari bawah skirt)
- melakukan aktiviti sulit, misalnya melucutkan pakaian, menggunakan tandas, mandi, atau berperilaku seksual
- berpakaian tidak mengikut agama atau budaya, jika biasanya anda berpakaian mengikut agama atau budaya di khalayak ramai (misalnya memakai hijab). Namun, jika satu masa dahulu anda pernah berpakaian tidak mengikut agama, imej daripada tempoh itu mungkin tidak dianggap 'intim'.



Imej atau video itu tidak kira sama ada:

- benar
- diubahsuai atau dipalsukan supaya menyerupai anda
- disebar dengan cara yang membuat orang menyangka itu anda, walaupun sebenarnya bukan (misalnya foto intim orang lain ditandakan dengan nama anda).

Imej atau video itu juga tidak kira sama ada dikirimkan, dimuat naik atau disebar melalui:

- platform atau khidmat dalam talian (misalnya suapan media sosial, permainan dalam talian atau aplikasi lain)
- laman web, misalnya papan imej atau laman web bahan lucah
- mesej langsung, mesej teks, khidmat sembang, e-mel atau pindahan fail (misalnya AirDrop atau Nearby Share).

Apakah yang patut saya lakukan?

Sebelum berbuat apa-apa, mintalah sokongan. Jika ada orang menyebarkan imej atau video diri kita yang intim, atau mengancam untuk menyebarkannya, sudah tentu kita bersusah hati dan fikiran kita kacau. Kita tidak perlu menghadapinya seorang diri. Ada faedahnya kita memberitahu orang yang kita percayai, supaya mereka dapat membantu kita menghadapi situasi itu.

Kemudian, ikuti langkah-langkah ini:



1. Kumpulkan bukti

Cara paling cepat dan mudah ialah dengan mengambil tangkapan layar, foto atau rakaman layar peranti anda. Namun, jangan simpan atau kongsi pula imej atau video dengan orang bawah umur 18 tahun, dan jangan simpan atau kongsi bahan lain yang melanggar undang-undang.

Simpan catatan:

- semua pertemuan atau kontak dengan orang yang menyebarkan atau mengancam akan menyebarkan bahan intim itu, termasuk nama pengguna, gelaran atau ID platform yang digunakan
- di mana pertemuan atau kontak itu berlaku, misalnya nama pengguna Snapchat, URL (alamat web) Facebook, Instagram atau Tiktok, atau nama akaun dating app yang mereka gunakan
- apa jua laporan anda kepada platform atau khidmat dalam talian berkenaan, atau kepada pihak polis.



2. Laporkan

Laporkan kepada eSafety

Semua laporan kepada eSafety akan dirahsiakan.

Jika bukan diperas ugut, tetapi imej atau video intim diri anda disebarikan atau ada orang mengancam akan menyebarkannya, laporkan kepada eSafety melalui [eSafety.gov.au/report/forms](https://esafety.gov.au/report/forms). Anda boleh minta orang lain yang anda percayai untuk mengisikan borang laporan untuk anda.

Kami akan hubungi anda secepat mungkin, biasanya dalam masa satu dua hari urusan. Lebih dahulu, kami akan bertanya keadaan diri anda, demi memastikan anda mendapat sokongan emosi yang diperlukan. Kami akan bincangkan **pilihan-pilihan anda**. Kami akan berurusan dengan platform atau khidmat dalam talian yang digunakan untuk menyebarkan imej atau video intim itu, supaya disingkirkan atau ancaman dihentikan. Hal ini termasuk menghapuskan akaun yang digunakan orang berkenaan. **Kami tidak akan melibatkan orang lain atau bertindak tanpa izin anda.**

- Jika pihak polis dibabitkan dan ada bukti yang diperlukan dalam kes anda, kami mungkin perlu hubungi mereka untuk memastikan bukti-bukti itu telah dipelihara sebelum imej, video atau pengguna berkenaan disingkirkan.
- Kadangkala kami boleh juga bertindak terhadap orang berkenaan, jika anda mahu. Contohnya, mereka boleh didenda atau diarahkan melakukan perkara tertentu agar tidak menyimpan atau menyebarkan imej atau video intim anda.

Sekiranya penganiayaan berdasarkan imej itu sebahagian daripada keganasan rumah tangga, keluarga atau seksual, anda boleh mendapatkan sokongan daripada 1800RESPECT dengan menelefon 1800 737 732, atau melayari laman web kami 1800respect.org.au bagi perkhidmatan sembang dalam talian atau panggilan video. Mereka dapat membantu anda menyiapkan pelan keselamatan sebelum imej, video atau pengguna berkenaan disingkirkan.

Jika anda diperas ugut, jangan bayar sipemeras atau berikan wang atau bahan intim yang lain. Ini sejenis penganiayaan berdasarkan imej yang disebut peras ugut seksual ('sextortion').

- **Jika anda berumur bawah 18 tahun,** cara terbaik mendapatkan bantuan ialah melaporkannya kepada Australian Centre to Counter Child Exploitation (ACCCE – Pusat Australia bagi Membanteras Eksploitasi Kanak-Kanak) accce.gov.au.
- **Jika berumur 18 tahun ke atas,** laporkan kepada apa jua platform atau khidmat tempat pemeras itu menghubungi anda. Jika imej atau video intim anda disebarikan, atau jika platform tidak membantu, anda boleh laporkan kepada eSafety [eSafety.gov.au/report/forms](https://esafety.gov.au/report/forms).



Minta orang lain membuat laporan untuk anda

Jika anda rasa tidak sanggup membuat laporan sendiri, anda boleh minta orang lain melakukannya untuk anda. Anda perlu membuat perakuan bahawa anda mengizinkan orang itu membuat laporan bagi pihak anda. eSafety akan berurusan dengan anda dan orang yang membuat aduan bagi mengesahkan anda mengizinkan laporan itu dibuat.

Laporkan kepada polis

Anda juga boleh melaporkan penganiayaan berdasarkan imej kepada polis. Polis mungkin dapat mendakwa orang yang bertanggungjawab dan melindungi anda. Hal ini sangat penting jika orang itu mengancam untuk mencederakan anda atau keluarga atau sahabat handai anda.



3. Hentikan hubungan selanjutnya, ketatkan kawalan keselamatan anda dan halang penyebaran bahan itu

Hentikan segala hubungan dengan orang yang menyebarkan imej atau video intim diri anda atau mengancam anda:

- **Gunakan fungsi-fungsi dalam aplikasi** atau tetapan peranti anda bagi mengabaikan, menyembunyikan atau membisukan posting atau komen orang berkenaan. Setelah mengumpulkan bukti, anda juga boleh halang mereka menghubungi anda, supaya mereka tidak berupaya mengganggu gugat diri anda.
- **Kemas kini tetapan** privasi bagi membataskan siapa yang boleh menghubungi anda.

Layari eSafety Guide [eSafety.gov.au/esafety-guide](https://www.esafety.gov.au/esafety-guide) untuk mendapatkan nasihat tentang fungsi-fungsi utama keselamatan dan pelaporan dalam talian di pelbagai khidmat dalam talian, termasuk media sosial, permainan dalam talian dan aplikasi lain.

Halang penyebaran imej atau video

Anda dapat menghalang imej atau video intim diri anda daripada dimuat naik ke platform tertentu. Anda perlukan satu salinan imej atau video itu, tetapi tidak perlu kirimkan kepada platform – mereka akan membuat 'cap jari' digital (atau 'hash') sebagai pengganti.

- **Jika berumur bawah 18 tahun**, anda dapat gunakan [takeitdown.ncmec.org](https://www.takeitdown.ncmec.org) – alat dalam talian yang menghalang penyebaran imej atau video anda di pelbagai platform seperti Facebook, Instagram, TikTok, Yubo, OnlyFans dan Pornhub.
- **Jika berumur 18 tahun ke atas**, anda boleh gunakan [StopNCII.org](https://www.stopncii.org) – alat dalam talian yang menghalang penyebaran imej atau video anda di pelbagai platform seperti Facebook, Instagram, TikTok, Bumble, OnlyFans dan Reddit.



4. Dapatkan bantuan lanjut

Pengalaman yang anda sedang lalui ini bukanlah mudah. Walaupun setelah semuanya selesai, anda mungkin perlukan sokongan selanjutnya.

Anda boleh meminta bantuan daripada khidmat kaunseling dan sokongan sulit.

Jaga keselamatan

Bantuan kecemasan di Australia, setiap masa, siang atau malam:

Jika nyawa atau keselamatan anda terancam dan anda perlukan bantuan segera, hubungi **Triple Zero (000)**.

Jika terfikir untuk membunuh diri atau mencederakan diri sendiri, hubungi Lifeline **13 11 14** atau Suicide Call Back Service **1300 659 467**.

Khidmat kaunseling dan sokongan

Sokongan dalam bahasa anda

Hubungi Translating and Interpreting Service 131 450 dan minta mereka hubungi salah satu talian bantuan untuk anda, atau membantu membuat laporan kepada eSafety. Atau layari laman web [tisnational.gov.au](https://www.tisnational.gov.au).

1800RESPECT

1800 737 732 (Telefon)

0458 737 732 (Teks)

[1800respect.org.au](https://www.1800respect.org.au)

Jika anda atau orang lain yang anda kenali mengalami atau terancam keganasan rumah tangga, keluarga atau seksual, hubungi khidmat ini melalui telefon, teks atau laman web bagi mendapatkan sokongan secara sembang dalam talian dan panggilan video.

Kids Helpline (Talian Bantuan Kanak-Kanak)

1800 55 1800

[kidshelpline.com.au](https://www.kidshelpline.com.au)

Kids Helpline disediakan untuk mereka yang berumur 5 hingga 25 tahun bagi segala masalah. Kaunseling secara sulit dan sokongan sembang dalam talian disediakan sepanjang hari, setiap hari.

Sokongan bagi mereka yang kurang upaya pendengaran

Hubungi National Relay Service 133 677 bagi khidmat teletaip (TTY) dan panggilan suara, dan minta mereka hubungi salah satu talian bantuan untuk anda. Atau hubungi laman web [accesshub.gov.au/about-the-nrs](https://www.accesshub.gov.au/about-the-nrs).

Lebih banyak khidmat sokongan disediakan di [eSafety.gov.au/counselling-support-services](https://www.eSafety.gov.au/counselling-support-services).